

Newspaper	Sinar Harian
Date	09/08/2017

# Rasa bertuah dirawat Tun M

Sinar Harian - 9/8/2017 pg. 49

ROSINDA HASRIM

JITRA - Norul Hisham Ahmad Tajuddin, 46, tidak sangka apabila gambar sijil kelahiran miliknya yang dimuat naik kelmarin, di Facebook menjadi tular gara-gara tertera nama dan tandatangan bekas Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas kaktangan perbankan itu berkata, hasratnya memaparkan sijil kelahirannya itu adalah untuk berkongsi kebenaran apabila ada sesetengah pihak mendakwa Mahathir adalah anak lelaki kepada Iskandar Kutty.

"Saya antara insan bertuah kerana pernah dirawat dan diberikan suntikan vaksin oleh Mahathir ketika usia saya lapan bulan. Ketika itu Dr Mahathir masih aktif sebagai doktor sepenuh masa di Maha Klinik miliknya di Pekan Melayu," katanya.

Menurutnya, selepas isu berhubung keturunan Mahathir diperkatakan, dia menyemak sijil lahirnya untuk kepastian dan jelas kelihatan nama

**INFO**  
• Tanda tangan sijil lahir pada 1971

Dr Mahathir b Mohamad yang ditandatangani pada 12 Mei 1971, di Maha Klinik.

"Tahun lepas saya pernah berkongsi gambar sama di Facebook, sebab bangga dirawat oleh tokoh negarawan, ketika itu Mahathir belum tubuhkan parti baru. Hanya rakan terdekat Facebook respon 'like' tetapi tak sampai pun seratus oring," katanya.

Bagaimana pun, selepas gambar itu dimuat naik kali kedua Isnin lalu, dia menerima lebih 1.8 juta 'like' selepas tular di beberapa grup Facebook.

Nurul Hisham berkata, hanya dia yang memiliki sijil kelahiran ditandatangani Mahathir berbanding tiga lagi



Nama Dr Mahathir dan tandatangan milliknya jelas kelihatan.

adilnya.

"Rumah kami ketika itu berhadapan dengan Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH), mak bawa kami naik beca ke klinik itu sebab dekat dengan rumah, selain sukakan keperibadian Mahathir yang mesra, mudah didekati, serta caj dikenakan murah," katanya.

Menurutnya, walaupun vaksin diberikan percuma di Hospital Besar Alor Setar, ibunya tetap mahu ke Maha Klinik kerana selesa dengan layanan dan berpuas



Nurul Hisham menunjukkan sijil kelahiran milliknya yang tular.

hati dengan perkhidmatan diberikan.

"Pekerja di situ juga peramah dan hubungan kami sekeluarga kekal sampai hari ini. Kebanyakan orang Melayu suka ke situ sebab beliau doktor Melayu pertama yang buka klinik," katanya.

Sehingga kini, katanya, mereka sekeluarga ma-

sih setia mendapatkan perkhidmatan rawatan di Maha Klinik, yang sudah berpindah di jalan Tunku Ibrahim.

"Walaupun ketika menerima rawatan saya tak ingat apa-apa, sebab masih bayil, saya tetap bangga sebab doktor yang rawat saya negarawan terkemuka. Dari zaman mak hingga saya, kami semua

pilih klinik tu, mungkin aura Mahathir sangat kuat dan bagi pengaruh besar kepada penduduk setempat," kata bapa kepada empat anak ini.

Nurul Hisham berkata, walaupun tidak pernah berjumpa Mahathir selepas itu, dia menyimpan hasrat untuk menunjukkan sijil kelahiran itu kepada Mahathir sendiri.

"Ia amat bernilai buat saya, jika Mahathir sendiri mahu tengok sijil lahir saya, saya sedia bawa dan tunjukkan, mungkin ia juga nostalgia buat beliau," katanya.

Menurutnya, terdapat rakan siber menghubunginya dan mahu membeli sijil kelahiran itu dengan tawaran tinggi namun dia tidak berhasrat menjualnya.

"Saya akan simpan sebaik mungkin, tetapi bersedia beri percuma kepada Arkib atau pihak berkaitan untuk rujukan sejarah atau kajian. Ada juga respon negatif netizen, konon ia palsu dan saya sendiri cop nama itu sebab tulisannya jelas dan dakwat masih elok," katanya.

Nurul Hisham berkata, dia bersedia jika ada pihak mahu mengkaji ketulenan sijil lahirnya kerana ia adalah asli yang dicetak pada 1970.

